

# 10 tahun pengalaman syarat jadi penghulu

BH - 29/9/2006

Oleh Kadir Dikoh

## INFO

### Langkah memperkukuh perkhidmatan awam

- Perkhidmatan Imigresen dimantapkan dengan mewujudkan peringkat perkhidmatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional seperti perkhidmatan beruniform lain iaitu Bomba dan Penyelamat serta Angkatan Tentera Malaysia.
- Perkhidmatan pembantu perubatan ditambah baik dengan mewujudkan skim perkhidmatan bersepadu menggabungkan dua kelompok perkhidmatan iaitu kumpulan sokongan serta kumpulan pengurusan dan profesional seperti perkhidmatan lain di bawah sains kesihatan persekutuan iaitu juru rawat, juru x-ray dan penolong pegawai kesihatan persekitaran.
- Kajian dibuat untuk penetapan perkhidmatan kritikal bagi membolehkan anggota skim perkhidmatan yang ditetapkan sebagai perkhidmatan kritikal layak diberi Bayaran In-

sentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) dengan kerjasama semua ketua perkhidmatan/ketua jabatan. Kajian itu membabitkan 290 skim perkhidmatan yang berkuat kuasa termasuk skim perkhidmatan sedia ada tersenarai sebagai perkhidmatan kritikal sebanyak 32 skim perkhidmatan.

- Pelantikan secara lateral anggota ke sektor awam diperluaskan di peringkat Persekutuan, negeri atau daerah dan dibuat secara kontrak berdasarkan peraturan sedia ada. Ia sejajar hasrat mendapatkan modal insan terbaik bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan.
- Pelantikan secara lateral anggota dari luar perkhidmatan adalah secara kontrak untuk tempoh tiga atau lima tahun, dan mereka tidak terbahagi dalam kenaikan pangkat mengikut skim perkhidmatan awam. Mereka diperlukan kerana pengalaman serta kepakaran.

**P**UTRAJAYA: Kerajaan menetapkan mereka yang akan dilantik sebagai penghulu mestilah berpengalaman minimum 10 tahun dalam pelbagai tugas kemasyarakatan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, langkah itu bertujuan memartabatkan lagi jawatan terbabit sejajar dengan kepentingannya dalam menjaga pelbagai isu berkaitan serta memastikan kesejahteraan masyarakat.

Serentak itu, Abdullah turut mengumumkan bayaran insentif Rawatan Kecemasan sebanyak RM100 sebulan untuk pegawai bomba yang bertugas di Unit Penjagaan Prahospital iaitu mereka yang memberi bantuan rawatan kecemasan.

Katanya, perkara itu adalah antara hasil mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan dan Gaji Pekerja Sektor Awam (JKK-MPGSA), yang dipengeruskannya di Ibu pejabat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, penghulu memainkan peranan sebagai ketua dan penasihat serta memberi kepimpinan kepada masyarakat.

"Mereka yang dilantik penghulu mesti dihormati dan berpengalaman dalam hal kemasyarakatan. Kita tidak mahu seseorang baru lulus SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) atau STPM (Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia), terus jadi penghulu pada usia muda.

"Kelayakan penghulu hendaklah ditingkatkan iaitu berpengalaman tidak lebih 10 tahun berkaitan kerja kemasyarakatan atau memegang jawatan sebelumnya yang berkait rapat

dengan masyarakat," katanya pada sidang media selepas mesyuarat itu.

Selain itu, Perdana Menteri turut mengumumkan beberapa langkah baru memperkukuh dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan, mencakupi pelbagai jawatan serta sektor.

Sementara itu, diminta mengulas masalah kekurangan gula, Abdullah berkata, ia adalah berkaitan dengan masalah pendedaran komoditi itu.

Malah kata Perdana Menteri, ada pengilang gula memberitahu bahawa bekalan itu mencukupi untuk dihan-

tar ke mana-mana sekali pun di negara ini dan tidak timbul soal tidak cukup bekalan.

"Pagi tadi (semalam) saya menerima panggilan daripada seorang pengilang gula menyatakan dia mempunyai gula mencukupi untuk dihantar kepada mana-mana pihak sekalipun.

"Dia amat menghargai tindakan menghantar gula menggunakan kapal ke Sabah dan Sarawak. Saya tidak payah sebut namanya tetapi dia kata bekalan gula cukup dan bersedia untuk dihantar ke mana-mana," katanya.